

09 MAY 1997

Sabbaruddin-Umno

JAWATAN MUHAMMAD DALAM UMNO TIDAK DALAM AGENDA MESYUARAT MT ESOK

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata jawatan Naib Presiden Umno yang disandang bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib tidak menjadi agenda mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno esok.

Ini kerana pada mesyuarat MT pada 12 April, isu Muhammad telahpun dibincangkan, katanya kepada pemberita selepas melawat Penjara Pudu di sini hari ini.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan selepas mesyuarat itu bahawa Muhammad akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor kerana kes mahkamah yang sedang dihadapinya berhubung kegagalannya mengisytihar wang bernilai kira-kira RM2.4 juta di Australia pada penghujung tahun lepas.

Dua hari kemudian, Muhammad mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri Besar tetapi mengekalkan jawatan Naib Presiden Umno dan juga jawatan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Batang Kali.

Banyak pihak dalam Umno bagaimanapun berpendapat bahawa Muhammad harus juga melepaskan jawatan Naib Presiden parti. Sehubungan itu sumber-sumber parti tidak menolak kemungkinan mana-mana anggota MT Umno membawa satu usul bagi membincangkan soal jawatan Naib Presiden yang disandang Muhammad itu pada mesyuarat esok.

Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata Dr Mahathir lazimnya akan menerangkan kepada MT dalam ucapan Presiden pada mesyuarat MT, perkara-perkara semasa dan kali ini mungkin mengenai lawatannya ke tiga buah negara di selatan Afrika.

Bagaimanapun perkara-perkara yang akan dimaklumkan pada mesyuarat itu adalah terpulang kepada presiden parti sendiri, katanya.

Sabbaruddin berkata, pengerusi jawatankuasa pengurusan yang juga Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengemukakan laporan hasil mesyuarat pada 7 Mei lepas, yang antara lain menyentuh soal mesyuarat agung cawangan-cawangan dan masalah-masalah yang dihadapinya.

Ditanya sama ada jawatan Presiden parti perlu dipangku jika Presiden bercuti, katanya beliau tidak ingat sama ada perkara itu diperuntukkan dalam perlembagaan parti.

Bagaimanapun Dr Mahathir mengumumkan semalam bahawa Anwar akan memangku jawatan Perdana Menteri semasa beliau (Dr Mahathir) bercuti selama dua bulan mulai 19 Mei ini.

-- BERNAMA

AFY AHH